

13/04/1998

Amaran kepada pembakar hutan

SEPANG, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran akan mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang sengaja melakukan pembakaran hingga menyebabkan kebakaran hutan di sekitar Km 24.9 dan Km 28.8 Ekspresway Lingkaran Tengah (Elite), dekat sini.

Perdana Menteri yang meluangkan masa kira-kira 40 minit melawat kawasan kebakaran hutan gambut di Mukim Tanjung 12, Sungai Jarum, Kuala Langat, di Km 24.9 lebuh raya itu hari ini berkata, kemungkinan ada orang sengaja membakar hutan untuk kerja pembersihan hutan.

"Dari segi penguatkuasaan, kita sudah kerah anggota polis, Rela dan tentera tetapi masih ada yang terlepas.

"Orang yang sengaja membakar hutan, kita akan kenakan hukuman penjara," katanya selepas melakukan lawatan mengejut ke kawasan kebakaran itu dan turut sama membantu anggota Bomba dan Penyelamat memadamkan kebakaran dengan menggunakan semburan berkuasa tinggi.

Kebakaran di Km 24.9 lebuh raya itu membabitkan kawasan kira-kira 40 hektar, terletak bersebelahan projek The Malaysian Wetland Sanctuary, berlaku sejak Jumaat lalu, manakala kebakaran di Km 28.8 pula membabitkan hutan seluas 50 hektar sejak 1 April lalu.

Walaupun kebakaran sudah dapat dikawal di antara 20 hingga 30 peratus, asap masih menyelubungi kawasan sekitar, yang terletak berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Ketika berada di kawasan itu, Dr Mahathir turut menggunakan high impact water tog, peralatan yang digunakan untuk menembak air ke dalam tanah bagi memadamkan kebakaran tanah gambut.

Alat yang mengeluarkan pancutan dengan kuasa tinggi itu dapat menjimat penggunaan air dengan memancut 14 liter air seminit, berbanding hos biasa kira-kira 90 liter seminit.

Dr Mahathir berkata, kebakaran di kawasan hutan tanah gambut itu perlu dipadamkan segera, jika tidak berbulan-bulan kawasan itu akan terbakar.

"Di kawasan tanah gambut, kawasan yang terbakar boleh sampai 12 meter dalam tanah. Atas nampak okey, tetapi bawah masih menyala," katanya yang berpuas hati dengan kerja memadamkan kebakaran itu.

Hari ini, kira-kira 300 anggota bomba, polis, tentera, Jabatan Pertahanan Awam (JPA3) dan Pejabat Tanah Daerah bertungkus-lumus memadamkan kebakaran di kedua-dua kawasan berkenaan.

Bomba juga menggunakan perkhidmatan 'Air Borne Unit' untuk memadamkan api dari udara dengan menggunakan helikopter Nuri Tentera Udara Diraja Malaysia.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Paya Indah The Malaysian Wetlands Sanctuary, K Muralee Dhora Menom, berkata kebakaran hutan di kawasan itu menjadi serius sejak kelmarin.

Menurutnya, walaupun anggota bomba tidak menghadapi masalah mendapatkan air, kebakaran hutan itu sukar dipadam kerana cuaca kering dan tiupan angin yang menyebabkan api merebak dengan cepat.

"Oleh itu, tumpuan kami sekarang ialah mencari kaedah terbaik untuk mengawal api daripada merebak," katanya.

Hadir sama Ketua Polis Selangor, Datuk Kamaruddin Hamzah dan Setiausaha Kerajaan Selangor, Datuk Hashim Meon.

(END)